



Ipooh, 10 September - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mencatat sejarah tersendiri apabila pasukan berbasikalnya menghadiahkan pingat pertama buat universiti itu sejak menyertai temasya Sukan Badan Berkanun (SUKANUN). Pasukan berbasikal UPSI meraih pingat perak dalam acara Criterium Berpasukan pada kejohanan yang berlangsung di UiTM Seri Iskandar, sekali gus menafikan cabaran beberapa pasukan kuat lain termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Skuad itu ditarisai Ahmad Ritaudin Hamzah, Muhammad Khairul Izwan Mohd Basri, Mohamad Amin Idris dan Mohamad Amiruddin Ismail, dengan bimbingan pengurus pasukan Ramli Mosmin serta sokongan Pengerusi Kelab Berbasikal Mohd Shahrul Abd Wahid dan mekanik Meor Ahmad Shahril Meor Ahmad Nazinan.

Walaupun sekadar meraih perak, pasukan UPSI hanya ketinggalan lapan saat di belakang tuan rumah UiTM yang mengekalkan rekod cemerlang mereka sejak beberapa tahun lalu. Kejayaan ini dianggap lebih bermakna kerana UPSI berjaya menewaskan DBKL yang ditarisi bekas pelumba negara.

Menurut ketua pasukan Ahmad Ritaudin, pencapaian itu adalah hasil disiplin tinggi serta latihan berterusan tanpa menunggu kejohanan besar.

"Kami percaya kunci kepada kejayaan ini adalah komitmen untuk terus berlatih walaupun tanpa ada kejohanan yang disertai. Apa yang penting ialah kesungguhan seluruh pasukan untuk meletakkan nama UPSI di pentas yang lebih tinggi."

Tambah beliau, kejayaan itu menjadi titik permulaan kepada pasukan berbasikal UPSI untuk terus memburu kejayaan lebih besar pada edisi SUKANUN akan datang, sekali gus memberi keyakinan bahawa UPSI mampu muncul sebagai antara pencabar utama dalam acara berbasikal diperingkat antara universiti atau badan berkanun.

Sementara itu, Ramli berkata kejayaan tersebut wajar dijadikan inspirasi kepada pelumba baharu untuk terus mengekalkan kecemerlangan UPSI pada masa akan datang.

"Pencapaian ini bukan sekadar pingat perak, tetapi simbol kekuatan mental, semangat berpasukan dan disiplin yang tinggi."

Ramli turut menegaskan, dengan perancangan latihan yang lebih teratur dan sokongan berterusan daripada universiti, UPSI berpotensi untuk merealisasikan impian meraih emas pada temasya SUKANUN akan datang.

"Saya mahu pelumba muda menjadikan kejayaan ini sebagai motivasi untuk melangkah lebih jauh, malah berusaha menandingi pencapaian senior mereka," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



23 Kontinjen Meriahkan Perarakan Maulidur Rasul Peringkat UPSI

Tanjong Malim, 8 September - Sebanyak 23 kontinjen termasuk agensi luar berganding bahu memeriahkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 1447H/2025 di Dewan Tuanku Canselor.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, pengaranjuran perarakan Maulidur Rasul yang memasuki tahun keempat sejak diperkenalkan pada 2022 itu membuktikan komitmen universiti dalam mengangkat tema sambutan tahun ini iaitu "Membangun Ummah Madani".

"Perarakan Maulidur Rasul ini bukan sahaja melibatkan warga UPSI tetapi juga komuniti setempat, sekali gus memperkuuh jaringan hubungan universiti dengan masyarakat Muallim," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Daripada jumlah itu, 19 kontinjen terdiri daripada jabatan dan pusat tanggungjawab di UPSI, manakala empat kontinjen lagi ialah Majlis Daerah Tanjong Malim, Masjid Ketoyong Tanjong Malim, Sekolah Menengah Kebangsaan Proton City (SMKPC) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari (SMK K-Jo).

Tiga agensi luar iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah Muallim, Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam turut dijemput sebagai panel juri bagi menilai kontinjen bertanding.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan persembahan nasyid daripada kumpulan KESAKTI UPSI serta ceramah khas Maulidur Rasul yang disampaikan Mudir Madrasah Darul Atiq Hulu Selangor, Ustaz Ahmad Rizam Haji Ghazali.

UPSI, Ningxia New Vision Education Perkukuh Kerjasama

Tanjong Malim, 11 September - UPSI memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Ningxia New Vision Education Management Co. Ltd dari China, dengan Ningxia Business Vocational School (NBVS) sebagai rakan pelaksana di Yinchuan. MoA tersebut memberi tumpuan kepada pelaksanaan English Preparatory Course (EPC) yang diajarkan dengan penilaian APTIS sebagai laluan berkualiti ke program prasiswazah UPSI. Kursus berkenaan bertujuan menyediakan pelajar untuk pengajian dalam bahasa Inggeris sebaik sahaja menjelak kaki ke kampus UPSI.

Menjalankan fungsi sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Prof. Madya Dr. Ridzwan Che Rus berkata, kerjasama itu penting kerana ia memberi manfaat besar kepada hasil pembelajaran pelajar. "EPC memberi fokus kepada

peningkatan tahap kemahiran bahasa Inggeris dengan ukuran jelas berdasarkan penilaian luaran APTIS, sekali gus membolehkan pelajar dan ibu bapa melihat kemajuan sebenar, bukan sekadar janji.

"New Vision akan mengurus aspek pengambilan pelajar dan logistik di Ningxia, NBVS pula menyediakan kemudahan pelaksanaan, manakala UPSI membekalkan tenaga pengajar pakar, bahan pengajaran, jaminan kualiti dan penyelaras APTIS," katanya dalam majlis itu di Tanjong Malim, Perak. Menurut beliau, UPSI berkomitmen menyediakan persekitaran pembelajaran lengkap menerusi dua kampus moden di Tanjong Malim, iaitu Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS) dan Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS), yang dilengkapi infrastruktur akademik, kediaman, kokurikulum, sukan serta kesejahteraan pelajar.



Penyelidik UPSI Bantu Penternak Ikan Keli Teluk Intan

Teluk Intan - Usaha Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama Catfish Junior Malaysia dan Pusat Latihan SADC Perak nyata membuatkan hasil apabila Projek Pemindahan Ilmu (KTP) berjaya meningkatkan produktiviti serta kualiti penternakan ikan keli di daerah ini.

Malalui projek berkenaan, pasukan penyelidik UPSI termasuk pensyarah dan pelajar memperkenalkan penggunaan ekstrak tumbuhan tempatan, Chromolaena odorata, sebagai agen antibakteria semula jadi. Kaedah itu terbukti berkesan mengurangkan jangkitan kuman sekali gus meningkatkan kadar penetasan telur ikan keli.

Projek dilaksanakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama memberi tumpuan kepada latihan untuk jurulatih di Catfish Junior Malaysia. Seterusnya, ilmu yang sama dipindahkan kepada pelatih di Pusat Latihan SADC Perak.

"Penggunaan ekstrak C. odorata bukan saja menjadikan benih lebih sihat malah

mengurangkan kadar kematian ikan. Ia alternatif lebih selamat berbanding bahan kimia yang berisiko kepada ikan dan manusia," kata wakil penyelidik UPSI.

Selain manfaat kepada pengusaha, projek ini turut memberi pengalaman berharga kepada pelajar UPSI. Mereka bukan sahaja memahami teori malah berpeluang mengaplikasi kaedah moden penternakan ikan keli secara langsung di lapangan. Bagi penternak tempatan, kaedah baharu itu membuka mata. Ramai yang sebelum ini berdepan masalah kematian larva akibat jangkitan kini mampu menghasilkan benih lebih berkualiti.

Ilmu yang dikongsi juga meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kualiti air dan mengamalkan ternakan lebih mesra alam.

"Memang banyak beza sebelum dan selepas projek ini. Dulu benih cepat mati, sekarang lebih kuat dan sihat. Hasil pun meningkat," kata salah seorang pengusaha yang terlibat. Walaupun berdepan cabaran masa kerana

kesibukan industri, projek ini tetap berjalan lancar dengan sokongan dana Geran KTP (Kod: 2024-0062-PP-01) daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) UPSI.

Secara keseluruhan, projek KTP ini memberi impak besar - daripada peningkatan produksi benih ikan, perkongsian pengetahuan teknologi moden kepada pengusaha hingga ke pembangunan kemahiran pelajar universiti.

Lebih penting, ia mewujudkan komuniti penternak yang lebih berdaya saing, berilmu dan mampu berdikari. Projek ini dijangka menjadi pemangkin kepada usaha menjadikan Perak sebagai salah satu pusat pengeluaran ikan keli berkualiti tinggi di negara ini, selain menyokong pembangunan industri akuakultur yang lebih lestari dan mesra alam.

Nama Penyelidik:

- Prof. Madya Dr. Mohamed Nor Azhari Azman (Ketua) - FTV
- Ts. Dr. Zalina Ismail - FTV
- Muhammad Jaafar Kasem



Kunjungan Hormat dan Sesi Perbincangan antara Majlis Sukan Negara dan UPSI



Penyerahan Sumbangan Zakat Wakalah Bank Rakyat kepada Mangsa Kemalangan di Gerik



UPSI Perkukuh Jalinan Strategik bersama Madrasah TVET Pertanian di Jerantut



Inovasi Kitar Semula UPSI Warnai SMKDHK